# Kerajaan tunggu syor keperluan suntikan ‘booster’




## POPULAR


Sazili Presider UiTM FC baharu
29 Julai 2021, 12:39 pm


Lanjutka darurat ( Sarawak bukan waktu sesuai



untuk PRN
29 Julai 2021, 12:34 pm




Pendudu New Yor dapat AS$100 kalau ambil vaksin
29 Julai 20 12:30 pm



Alahan kulit Jun Hoong tidak serius
29 Julai 2021, 12:30 pm

Oleh ASLINDA NASIR 28 Julai 2021, 6:04 pm

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang menunggu syor daripada kumpulan pakar tentang keperluan suntikan 'booster' kepada rakyat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, syor tersebut akan diperoleh pada minggu hadapan, akan turut dibentang sama ada boleh memberi jenis vaksin lain daripada apa yang diterima sebelum ini.

"Buat masa ini kita masih menunggu syor dari Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pemilihan Calon Vaksin Covid-19, Kementerian Kesihatan, Dr, Kalaiarasu M Periasamy, yang pada minggu hadapan akan memberi

syor berkenaan keperluan sama ada perlu suntikan booster atau tidak.

"Ini juga akan dibentang bukan sahaja berdasarkan keperluan dan pengalaman dari negara-negara lain, tetapi sama ada kita dapat memberi vaksin yang berbeza dari vaksin asal yang kita terima," katanya dalam sesi penggulungan di Dewan Rakyat, hari ini.

Tambah beliau, terdapat beberapa negara yang mengamalkan vaksinasi heterologi seperti Korea dan Jerman susulan gangguan bekalan vaksin.

Namun, pihaknya akan mendapatkan syor mengenai perkara itu berdasarkan data 'real-world'.

## BERITA BERKAITAN






## Sazili Presiden UiTM FC baharu

29 Julai 2021, 12:39 pm

## Lanjutkan darurat di Sarawak, bukan waktu sesuai untuk PRN

29 Julai 2021, 12:34 pm






## Penduduk New York dapat AS$100 kalau ambil vaksin

29 Julai 2021, 12:30 pm



## Alahan kulit Jun Hoong tidak serius

29 Julai 2021, 12:30 pm




LANGGANAN

PREMIUM

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat

Hubungi Kami